

NO. SOALAN : 70

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KEDUA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR WAN AZIZAH WAN
ISMAIL
[PERMATANG PAUH]

TARIKH : 26 JULAI 2017 (RABU)

Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail [PERMATANG PAUH] meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini kewangan Felda Global Ventures (FGV) dan bilakah Kerajaan akan memberi taklimat terus kepada peneroka berkaitan isu kedudukan kewangan FGV serta status penyiasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ke atas mantan Pengerusi Eksekutif Tan Sri Isa Samad, Ketua Pegawai Eksekutif Dato' Zakaria Arshad dan mereka lain yang turut disiasat.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat terkini mengenai prestasi kewangan FGV telah diumumkan kepada Bursa Malaysia dan media pada 31 Mei 2017 yang lalu.

Secara ringkasnya, FGV mencatatkan peningkatan perolehan sebanyak 15% daripada RM3.76 bilion kepada RM4.32 bilion pada suku pertama 2017 disokong oleh pendapatan lebih tinggi dari Sektor Perladangan, Logistik dan Lain-lain (LO) serta Gula dengan masing-masing mencatatkan kenaikan sebanyak 11%, 57% dan 17%.

FGV juga merekodkan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (PATAMI) sebanyak RM2.47 juta, penambahbaikan sebanyak RM83.5 juta berbanding rugi selepas cukai dan kepentingan minoriti (LATAMI) sebanyak RM81 juta yang dicatatkan pada suku sama tahun lalu.

Sebagai sebuah syarikat senaraian awam, FGV akan mengumumkan keputusan prestasi kewangannya kepada Bursa Malaysia pada setiap suku tahun. FGV juga sentiasa mengadakan perjumpaan berkala dengan pemegang-pemegang saham untuk menerangkan keadaan sesama dan perancangan masa depan. Perkara sama turut dilakukan dengan peneroka FELDA di mana perjumpaan dengan Ketua-Ketua Peneroka diadakan secara berkala. Setiap tahun juga, meysuarat agung tahunan diadakan bagi memberi ruang kepada pemegang saham bertanya atau menyuarakan pandangan masing-masing kepada FGV.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pada masa ini siasatan oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) masih lagi berjalan.

Sekian. Terima kasih.